

UJIAN PENILAIAN AKHIR

BAHAYANYA NYAMUK AEDES

Nyamuk aedes merupakan sejenis serangga yang berbahaya kepada manusia. Nyamuk ini membawa sejenis penyakit yang disebabkan demam denggi. Nyamuk aedes memindahkan kuman denggi melalui gigitan.

Untuk mengatasi masalah denggi ini, tempat-tempat nyamuk bertelur haruslah dihapuskan. Mana-mana bekas yang boleh menakung air hendaklah dibuang. Jika kita hendak menakung air, bubuhlah ubat nyamuk yang dapat membunuh jentik-jentik.

Bekas-bekas yang dapat menakung air seperti botol, pasu pecah, tin-tin kosong harus ditanam supaya nyamuk tidak dapat bertelur dan membiak.

Selain itu, sampah sarap mesti dibakar. Longkang-longkang janganlah dibiarkan tersumbat dan air tidak dibiarkan bertakung di dalam pasu-pasu bunga. Cara demikian dapat mengelakkan nyamuk bertelur di tempat tersebut.

Semua pihak patutlah bekerjasama menghapuskan tempat-tempat nyamuk bertelur. Kebersihan Kawasan rumah perlu diutamakan. Tiada telur aedes tiadalah denggi.

1. Jawab soalan-soalan berikut dalam bentuk ayat yang lengkap dengan mengisi (taip) kotak yang disediakan
 - a) Apakah nama nyamuk yang berbahaya kepada manusia?
 - b) Apakah penyakit yang dibawa oleh nyamuk aedes itu?
 - c) Bagaimanakah cara untuk mengatasi masalah denggi ini?
 - d) Apakah yang perlu dibuat jika kita hendak menakung air?
 - e) Apakah yang perlu dilakukan ke atas botol, pasu pecah dan tin-tin kosong?
 - f) Kenapakah bekas-bekas tin kosong tidak boleh dibiarkan air bertakung?

g) Apakah yang patut dilakukan ke atas **sampah sarap**?

h) Apakah yang perlu dibuat pada **longkang-longkang**?

i) Apakah yang patut dilakukan oleh orang ramai untuk menghapuskan tempat-tempat nyamuk bertelur?

j) Di kawasan manakah yang perlu kita utamakan kebersihannya?

(10 Markah)

2. Pilih jawapan yang paling sesuai. Sila klik jawapan pilihan kamu.

a) Norin rajin membaca buku. _____, dia sering dipuji oleh guru kelasnya.

b) Semua pekerja kilang itu bekerja dengan bersungguh-sungguh. _____, apabila diberi imbuhan oleh majikan mereka.

c) Keluarga Khor hendak berhijrah ke Australia. _____, mereka bercadang untuk menjual semua aset di Malaysia.

d) Khairuddin menyerahkan fail itu kepada ketuanya. _____, dia meneruskan kerja-kerjanya.

e) Puan Liza amat gemar makan ulam-ulaman. _____, jika ulam-ulaman itu dibawa dari kampung.

f) Rumah Puan Rosma masih tertutup. _____ mereka masih belum bangun.

g) Kerja-kerja membaik pulih jalan sedang dilakukan di Jalan Kebangsaan. _____, jalan tersebut ditutup selama seminggu.

h) Hari sudah jauh malam. _____, Azrul masih leka menonton televisyen.

i) Kuih-muih yang dipesan oleh adik saya sudah habis. _____, saya membelikannya sebungkus mi goreng.

j) Azimah sering dimarah oleh ibu tirinya. _____, dia hanya mendiamkan dirinya.

(10 Markah)

3. Pilih penggunaan **Tanda Bacanya** yang betul. Sila klik jawapan pilihan kamu.

1. A. Dia dan Abu akan ke kucing hari ini.
B. dia dan abu akan ke Kucing hari Ini.
C. Dia dan Abu akan ke Kucing hari ini.
D. dia dan abu akan ke kucing hari ini.
2. A. Ramli, hasan dan Leong sudah pergi berkelah.
B. ramli, Hasan dan leong sudah pergi berkelah.
C. Ramli, Hasan dan Leong sudah pergi berkelah.
D. Ramli Hasan dan Leong sudah pergi berkelah.
3. A. "Siapakah nama kamu?"tanya perempuan itu.
B. Siapakah nama "kamu?"Tanya perempuan itu.
C. Siapakah nama kamu tanya perempuan itu"
D. Siapakah nama kamu? "tanya perempuan itu".
4. A. Tolong pergi ke "kedai, kata ibu."
B. Tolong pergi ke kedai, "kata ibu."
C. tolong "pergi"ke kedai kata ibu.
D. "Tolong pergi ke kedai,"kata ibu.
5. A. Budak, budak itu sedang bermain mercun di padang.
B. Budak-budak itu sedang bermain mercun di padang.
C. Budak budak itu, sedang bermain mercun di padang .
D. Budak-budak itu sedang bermain-mercun di padang.

6. A. Emak ke pasar, membeli sayur ikan telur dan keladi.
B. Emak ke pasar, membeli sayur, ikan telur, dan keladi.
C. Emak ke pasar membeli, sayur, ikan, telur dan keladi.
D. Emak ke pasar membeli sayur, ikan, telur dan keladi.
7. A. Oh, malangnya nasibku!
B.oh! malangnya nasibku!
C. Oh!, malangnya nasibku.
D.oh. malangnya nasibku!
8. A. Walaupun dia, gemuk namun dia, kurang makan.
B. Walaupun dia gemuk, namun dia, kurang makan.
C. Walaupun, dia gemuk namun dia kurang makan.
D. Walaupun dia gemuk, namun dia kurang makan.
9. A. Berapakah bilangan adik-beradik kamu.
B. Berapakah? Bilangan adik-beradik kamu.
C. Berapakah bilangan adik beradik kamu?
D.Berapakah bilangan adik-beradik kamu?
10. A. Haziah tinggal di Kampung Pengkalan Batu.
B. Haziah tinggal di kampung pengkalan batu.
C. haziah tinggal di Kampung Pengkalan Batu.
D. haziah tinggal di kampung pengkalan batu.

(10 Markah)

4. Pilih dan isikan tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai. **Drag & drop**

kerana	demi	apabila	semenjak	kecuali
bahawa	sambil	untuk	meskipun	jika

- a) Budak itu masih menangis _____ dipujuk oleh ibunya.
- b) Dia berusaha bersungguh-sungguh _____ masa depan keluarganya.
- c) Kami berteriak _____ Abu jatuh dari pokok.
- d) Dia mengatakan _____ dia gemar menonton televisyen.
- e) Ayah bekerja di pejabat setiap hari _____ hari Jumaat dan Ahad.
- f) Setiap murid boleh lulus _____ mereka berusaha bersungguh-sungguh.
- g) Cikgu Nurul bercakap _____ menulis di papan hitam.
- h) Perangai Mail berubah _____ berkawan dengan budak nakal itu.
- i) Perlawanan itu terpaksa dibatalkan _____ hujan lebat.
- j) Ayah banyak membeli buku-buku cerita _____ kami baca.

(10 Markah)

5. Padankan **ERTI PERIBAHASA** di bawah dengan peribahasa yang sesuai. **Drag and drop**

Berjaga-jaga dulu sebelum mendapat sesuatu bencana.
Membuat dua pekerjaan dalam satu masa.
Perbezaan yang nyata
Orang yang dalam kesusahan ditimpa kesusahan yang lain.
Rajin bekerja mudah belanja.
Berbuat jahat kepada orang, lalu pura-pura tidak tahu.
Wang hantaran pengantin lelaki kepada pengantin perempuan.
Menyimpan rahsia.
Berasa tersinggung atau membuat sesuatu supaya dirinya disukai.
Membuat sesuatu dengan pantas

a) Ambil hati.

b) Biar pecah di perut, jangan pecah di mulut.

c) Belanja hangus

d) Lempar batu sembunyi tangan

e) Lipas kudung

f) Ringan tulang berat perut

g) Sambil menyelam minum air

h) Seperti si buta kehilangan tongkat.

i) Sediakan payung sebelum hujan

j) Seperti langit dengan bumi

(10 Markah)